



Kenyataan Presiden



Tempoh masa mulai Mei 2008 hingga Mei 2009, merupakan satu tempoh cemerlang dan berjaya untuk Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Secara keseluruhannya MOM bukan sahaja mencapai kecemerlangan dalam semua aktivitinya, tetapi juga berjaya mempertingkatkan jumlah aktiviti yang dikelolakan dalam tempoh masa tersebut.

Acara terutama dalam 2008 adalah Sukan Olimpik XXIX yang telah diadakan di Beijing, China mulai 8hb hingga 24hb Ogos 2008. Kontinjen Malaysia yang terdiri daripada 33 orang atlet, 19 orang atlet lelaki dan 14 orang atlet wanita, telah mengambil bahagian dalam 9 jenis sukan dan satu disiplin, menjadikan Kontinjen Olimpik Malaysia yang terbesar semenjak sistem kelayakan diperkenalkan. Tambahan itu, ia juga mengandungi 33 orang pegawai pasukan lelaki dan seorang pegawai pasukan wanita serta 6 orang pegawai perubatan lelaki serta 2 orang pegawai perubatan wanita. Selepas dua Sukan Olimpik berturut-turut tanpa memenangi sebarang pingat, pemain Badminton YBhg Dato' Lee Chong Wei telah memenangi sebutir pingat perak dalam acara Badminton Perseorangan Lelaki. Keseluruhannya Kontinjen Malaysia telah menunjukkan persembahan yang baik kerana selain pasukan Badminton, pasukan Memanah dan pasukan Berbasikal Trek telah menunjukkan kemampuan sebenar dengan kelayakan ke suku akhir dalam sukan masing-masing.

Walaupun kurang penting, tetapi kejayaan penganjuran Kongres Sukan untuk Semua Sedunia Ke-12 di Genting Highlands mulai 3hb hingga 6hb November 2008 tercatat dalam sejarah MOM. Sejumlah 508 peserta dari 98 buah negara dari 5 benua menghadiri Kongres Sukan untuk Semua Sedunia Ke-12, dengan jumlah peserta teramai iaitu 280 orang dari benua Asia dan 138 orang dari benua Eropah. Penceramah jemputan termasuklah Lord Sebastian Coe, Pengerusi dan Presiden Jawatankuasa Pengelola Sukan Olimpik London, Sir Philip Craven, Presiden Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa dan tiga orang dari Malaysia.

Kemuncak Kongres Sukan untuk Semua Sedunia Ke-12 adalah pengelolaan Larian Hash khas di Batang Kali pada 4hb November 2008, dimana ramai peserta antarabangsa Kongres telah berpeluang menyertai larian tersebut bersama para peserta Hash di Malaysia dengan merentasi hutan sekunder Malaysia, ladang getah dan menyeberangi dua batang sungai. Ianya merupakan satu aktiviti sukan untuk semua yang sungguh mengagumkan.

Selain penyertaan ke Sukan Olimpik Beijing 2008, atlet Malaysia turut mengambil bahagian dalam Sukan Komanwel Remaja III di Pune, India mulai 12hb hingga 18hb Oktober 2008, Sukan Asia Pantai Pertama di Bali, Indonesia mulai 18hb hingga 26hb Oktober 2008 dan Festival Olimpik Remaja Australia Ke-5 di Sydney, Australia mulai 14hb hingga 18hb Januari 2009.

Berpandukan nasihat daripada YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia, sistem penarafan untuk Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) telah diubahsuai dengan pembahagian markah kepada tiga aspek iaitu, Pentadbiran, Program & Aktiviti dan Pencapaian dan melaporkan ketiga-tiga aspek secara berasingan dalam kad laporan secara individu. Tambahan itu, satu pemberatan telah diperuntukkan untuk aspek Pentadbiran dan aspek Aktiviti dan Program, sementara pemberatan secara berganda telah diperuntukkan untuk aspek Pencapaian. Dengan ubahsuai di atas, markah baru PSK telah dapat dihitung berdasarkan pencapaian tahun lepas. Kajian semula soalselidik

dan pembentukan sebuah jawatankuasa audit adalah sedang dijalankan. Usaha penarafan yang baru akan diadakan pada separuh kedua 2009.

Di atas sebab-sebab di luar kawalan MOM dan Peninsula Digital Sdn. Bhd (PDSB), perjanjian usahasama di antara kedua-dua pihak telah ditamatkan secara mesra. Kini, Astro telah mengambil alih projek tersebut dan telah bermesyuarat dengan wakil-wakil daripada PSK untuk berbincang hal-hal pelaksanaan Arena Astro. Rangkaian ini dijangka beroperasi pada penghujung 2009. Sebaik ia dilancarkan, Arena Astro akan mendatangkan banyak faedah kepada Persatuan Sukan Kebangsaan.


Kumpulan Pengurusan Hotel Waz Lian telah melaburkan lebih kurang RM5.0 juta untuk ubah suai dan naik taraf semua bilik, coffee house, sistem tempat letak kereta dan bilik konferens Hotel Olimpik. Ruang sambut tetamu di bahagian depan dan mengecat Hotel akan siap pada penghujung 2009. Dengan siapnya kerja-kerja ubah suai dan naik taraf, Hotel Olimpik akan mencapai taraf piaiwai yang dibanggakan. Semua PSK harus memberi sokongan penuh kepada Hotel Olimpik demi menjadikannya sebuah pusat aktiviti sukan untuk semua.

Kedudukan kewangan MOM terus kukuh. Pada penghujung 31hb Disember 2008, MOM mempunyai Aset Tetap bernilai RM22.0 juta, Aset Semasa bernilai RM8 juta dan pelaburan berjumlah RM8.6 juta. Lebihan bagi tahun 2008 adalah RM1,299,784/= dengan jumlah pendapatan RM10,458,426/= berbanding dengan RM1,739,815/= dan jumlah pendapatan sebanyak RM9,715,292/= bagi tahun 2007.

Kestabilan kewangan MOM terjamin dengan pajakan Hotel Olimpik kepada Kumpulan Pengurusan Hotel Waz Lian untuk jangka masa panjang. Pendapatan melalui penyewaan Hotel Olimpik adalah mencukupi untuk memenuhi perbelanjaan operasi tahunan MOM. Bantuan daripada Perpaduan Olimpik, Majlis Olimpik Asia (OCA) dan penaja-penaja telah disalurkan untuk program pembangunan sukan. Penubuhan Tabung Amanah Pembangunan Sukan MOM akan memastikan pendapatan tahunan yang mampan untuk pembangunan dan kesejahteraan atlet dan ahli-ahli gabungan MOM.

Dalam tempoh masa tersebut, MOM berjaya mengekalkan kejayaan dan pertumbuhannya, yang telah dicapai sejak dekad yang lalu. Walau bagaimana pun tahun-tahun yang akan datang adalah penuh dengan cabaran. Dengan pengenalan beberapa temasya sukan yang baru seperti Sukan Asia Pantai, Sukan Asia Dalam Dewan, Sukan Asia Seni Mempertahankan Diri dan beberapa Sukan Remaja, ini bermakna kewajipan dan komitmen kewangan MOM akan bertambah. Resolusi yang dicapai ketika Kongres OCA Pertama 2009 yang berbunyi “One Sport-One Games” dan “One Games-One Year” diharap dapat menyelesaikan kepadatan kalendar sukan antarabangsa yang sedang dihadapi.

Akhir kata, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, Majlis Olimpik Asia, Persekutuan Sukan Komanwel, penaja dan rakan sejawat saya dalam Lembaga dan Maljis serta kakitangan dan sukarelawan MOM di atas sokongan dan tunjuk ajar yang tidak ternilai.



(YAM Tunku Tan Sri Imran ibni Almarhum Tuanku Ja'afar)
Presiden
Majlis Olimpik Malaysia